

19/04/1998

Kuasai syarikat berpotensi (HL)

Saodi Mat Atar; Daud Awang

GELANG PATAH: Kerajaan menimbang mengambil alih ekuiti syarikat berpotensi dan yang mengendalikan projek kepentingan awam sebagai usaha menyelamatkannya dan memastikan faedah rakyat tidak terjejas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak boleh membiarkan projek penting tergendala semata-mata kerana syarikat terbabit menghadapi masalah kewangan disebabkan kejatuhan nilai ringgit.

Ditanya sama ada kerajaan bersedia mengambil alih ekuiti syarikat bermasalah itu, beliau berkata: "Jika perlu, kita mungkin menimbangkannya. Kita tidak boleh membiarkan projek terbengkalai hanya disebabkan syarikat menghadapi krisis kewangan."

Menurut beliau, masalah yang dihadapi syarikat terbabit bukan disebabkan kelemahannya, tetapi kerana nilai mata wang jatuh yang turut mengheret sama kejatuhan nilai saham.

"Masalah itu bukan saja di Malaysia, tapi mana-mana syarikat sama ada di Jepun atau di mana sekalipun. Jadi kerajaan perlu memikirkan pilihan yang sesuai bagi memastikan syarikat ini terus hidup, sekali gus meneruskan projek yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai," katanya selepas merasmikan Laluan Kedua Malaysia-Singapura di sini, semalam.

Beberapa hari lalu, Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin juga tidak menolak kemungkinan kerajaan campur tangan bagi menyelamatkan syarikat terbabit, seperti United Engineers Malaysia (UEM) dan Renong Bhd.

Daim dalam rencana bertajuk The Bottomline di dalam buku Hidden Agenda bagaimanapun berkata kerajaan tidak akan menggunakan wang rakyat bagi menyelamatkan syarikat terbabit.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Johor, turut menjelaskan perkara itu di majlis jamuan tengah hari bersama rakyat di kediaman rasmi Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Dalam ucapannya, beliau berkata, kerajaan tidak berniat menipu atau menggunakan wang rakyat dalam apa yang didakwa sesetengah pihak sebagai usaha menyelamatkan syarikat atau individu tertentu di negara ini.

Perdana Menteri berkata, langkah yang sudah, sedang dan akan diambil kerajaan sebenarnya bukan untuk menyelamatkan syarikat atau individu tertentu, tetapi negara.

"Malangnya ada orang dan akhbar di Malaysia menuduh kononnya kerajaan cuba bail-out (menyelamatkan) syarikat. Kita bukan bail-out syarikat tetapi negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan syarikat yang cuba dibantu kerajaan pada masa ini ialah syarikat yang mencatat keuntungan besar sebelum ekonomi negara gawat disebabkan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

"Kita tahu sebelum ekonomi meleset, syarikat seperti UEM, Renong dan Sime Darby dapat untung besar hampir RM2,000 juta setahun. Bermakna RM56 juta adalah hak kerajaan sebagai cukai.

"Begitu juga banyak syarikat lain seperti Tenaga Nasional untung RM1,900 juta, Telekom RM2,000 juta. Daripada keuntungan ini kerajaan pungut hasil untuk uruskan negara," katanya.

(END)